

12 JUN 2003

MEMBERIKAN TEKANAN PADA MYANMAR TIDAK AKAN MEMBAWA HASIL - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 12 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mengenakan tekanan terhadap kerajaan Myanmar yang kini menempatkan dalam tahanan pemimpin pro demokrasi Aung San Suu Kyi tidak akan membawa hasil.

"Adalah suatu yang tidak membina jika kita terus menerus menekan orang. Setiap kali mereka mematuhi sesuatu, tiada ganjaran diberi. Jika mereka melakukan suatu perkara lain, lebih banyak tekanan dikenakan. Ia tidak akan berhasil," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sebuah buku mengenai pengasas Umno Datuk Onn Ja'afar di sini.

Beliau ditanya sama ada hubungan kerjasama membina Asean dalam berhadapan dengan Myanmar masih merupakan cara terbaik untuk dilakukan dalam keadaan negara itu sekarang.

Satu laporan agensi hari ini berkata Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell telah menguatkan tekanan terhadap pemerintah tentera Myanmar berhubung penahanan pemenang anugerah Nobel Suu Kyi.

Laporan itu memetik beliau sebagai berkata dalam satu artikel yang disiarkan Wall Street Journal pada Khamis bahawa beliau akan mengadakan perbincangan mengenai tindakan terhadap Myanmar dengan negara jiran Aseannya pada satu mesyuarat minggu depan.

Kerajaan tentera dilaporkan mengenakan tahanan perlindungan terhadap Suu Kyi semasa satu lawatan beliau ke utara pada 30 Mei ekoran berlakunya satu pertempuran antara para penyokongnya dengan konco kerajaan.

-- BERNAMA
MAM MAM RON